

16 DEC 2001

Mahathir-Ancaman (Bergambar)

PENTING KENAL PASTI TANDA-TANDA ANCAMAN LEBIH AWAL, KATA DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 16 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata adalah penting untuk kenal pasti tanda-tanda ancaman lebih awal dari dalam atau luar negara.

Menjadikan Malaysia sebagai contoh, beliau berkata tindakan kerajaan terhadap sebarang tanda ancaman telah membuatkan sesetengah orang menuduh kerajaan sebagai terlalu takut.

Beliau menjawab soalan daripada Duta Luar Biasa dan Mutlak Sudan Mohamed Adam Ismail semasa berdialog dengan wakil Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Wisma Putra, di sini hari ini.

"Walaupun kami dituduh bertindak agak keras, kami perlu mengambil tindakan...dan perkara itu telah membolehkan kerajaan mentadbir negara dengan baik semasa waktu sukar," katanya.

Beliau berkata bukannya mudah untuk mentadbirkan sebuah negara yang rakyatnya terdiri daripada pelbagai kaum dan menganut pelbagai agama.

"Jika terdapat tanda-tanda bahawa orang mahu melanggar undang-undang, kerajaan perlu bertindak," katanya.

Dr Mahathir berkata pihak yang pernah menuduh Malaysia sebagai tidak demokrasi kerana mempunyai Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), kini mengaplikasikan undang-undang serupa bagi menangani ancaman sedemikian.

"Malahan di tahap yang lebih teruk, apabila ia tidak berlaku pada anda, anda boleh bersikap lebih liberal tetapi apabila ia berlaku pada negara anda sendiri, bukannya mudah untuk bersikap liberal," katanya.

Beliau berkata anggota OIC boleh mengenal pasti sesuatu ancaman jika mereka memberikan tumpuan secukupnya dalam berurusan dengan isu itu.

Kepada soalan dari Duta Indonesia Drs Hadi A. Wayarabi mengenai bagaimana negara-negara Islam dapat menangani masalah perpecahan, Dr Mahathir berkata mereka perlu mendukung prinsip asas tali persaudaraan.

"Namun kita masih lihat wujud puak-puak, selepas bercakap mengenai persaudaraan Islam, langsung tidak kelihatan yang ia melakukan sesuatu seperti saudara. Mereka melemparkan pelbagai tuduhan dan menjatuhkan kerajaan mereka sendiri," katanya.

Sementara itu, Kuasausaha Afghanistan Abdul Sattar Murad berkata masyarakat Islam berpecah kerana sesetengah kumpulan yang mendakwa mereka merupakan orang yang lebih Islam dan cuba menjatuhkan kerajaan dan mengajar orang lain untuk menjadi orang Islam yang lebih baik.

Sebagai jawapan kepada kenyataan Abdul Sattar itu, Perdana Menteri berkata mereka yang mahu melihat negara-negara Islam maju perlu mempunyai pengetahuan yang mencukupi mengenai agama bagi mematahkan interpretasi, kenyataan dan fatwa daripada mereka yang dipanggil ulama, yang telah mempelajari agama itu.

"Jika kita tidak dapat mematahkannya berdasarkan asas ajaran Islam yang betul, kita akan kehilangan tapak dan sokongan dan tidak mampu melaksanakan apa yang kita mahu lakukan...Di sini, di Malaysia, kita percaya bahawa apa yang kita lakukan adalah mengikut ajaran Islam yang sebenarnya ...Kita sentiasa menekankan perkara ini," katanya.

Duta Mesir ke Malaysia Ossama El Ashiry telah mencadangkan supaya Malaysia memainkan peranan penting berhubung isu mencampurkan pengetahuan lain dalam pembelajaran agama dan juga isu-isu lain.

Berhubung perkara itu, Dr Mahathir berkata usaha perlu dibuat bagi menjelaskan kepada mereka bahawa Islam juga menggalakkan orang Islam memperoleh pengetahuan dalam mata pelajaran lain.

Kepada soalan oleh Duta Arab Saudi ke Malaysia Hamed Mohammed Ali Yahya, Dr Mahathir berkata bahawa sekiranya akan diadakan dialog antara orang Islam, ia tidak harus dihadkan kepada ulama sahaja.

Beliau berkata semua orang patut terlibat dan mereka mesti mempunyai kebolehan untuk berbincang dan berhujah kerana terdapat kecenderungan apabila ulama menyatakan sesuatu, ia sentiasa merupakan satu pengumuman dan semua orang mendiamkan diri sahaja.

"Mereka tidak mempersoalkannya kerana mereka tidak tahu," katanya.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar bertindak sebagai pengerusi dialog itu yang kemudian diikuti dengan majlis berbuka puasa dan solat terawih.

-- BERNAMA

SHS NZ RHM